

# Kerajaan dicadang perluas penggunaan MyKad

KANGAR 23 Jun - Kerajaan disarankan memperluaskan penggunaan MyKad dalam proses pembelian barangan subsidi seperti minyak diesel dan petrol bagi mengelakkan penyelewengan.

Exco Pelaburan, Perdagangan dan Industri Perlis, Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail berkata, penggunaan MyKad mampu memastikan golongan berpendapatan rendah dapat membeli minyak petrol dan diesel pada kadar yang murah berbanding golongan berkemampuan.

Katanya, perkara itu dapat dilaksanakan jika semua data berkaitan individu dimasukkan dalam cip MyKad seperti pendapatan, saraan keluarga dan maklu-

mat berkaitan yang lain.

"Apabila pengguna ingin membeli minyak kenderaan, mereka hanya perlu mengakses MyKad di stesen-stesen minyak dan kadar harga yang sepatutnya perlu dibayar akan dipamerkan termasuk jumlah subsidi yang diterima.

"Bagi mereka yang berkemampuan harga yang dikenakan lebih mahal dan subsidi yang diterima juga berkurangan iaitu bergantung kepada pendapatan mereka.

"Sebaliknya bagi pengguna yang tiada MyKad dan warganegara asing, mereka perlu membayar pada harga pasaran," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian sele-

pas majlis Dialog Kereta Sewa Malaysia-Thailand yang turut dihadiri Pengerusi Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), Datuk Markiman Kobiran.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pauh itu memberitahu, sekiranya skim itu dilaksanakan, pengagihan subsidi yang diberikan kerajaan akan lebih adil terutama membabitkan golongan berpendapatan rendah yang menerima kesan ketara berikutan kenaikan harga minyak di pasaran.

"Saya percaya perkara ini dapat dilaksanakan kerana kita mempunyai pakar dalam bidang ini terutama di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi," katanya.